

Perkomputeran awan pacu transformasi

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamuka.com.my

PUTRAJAYA: Lebih 1,000 perkhidmatan yang berasaskan Pengkomputeran Awan (Cloud) bakal menjadi pemacu usaha transformasi digital sektor awam secara lebih holistik.

Inisiatif itu hasil pemeteraian kontrak berpusat dikenali Perjanjian Rangka Kerja Cloud (CFA) antara kerajaan dengan empat syarikat panel Penyedia Perkhidmatan Awan (CSP) terpilih.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerajaan bersetuju melantik CSP itu hasil penilaian yang telus melibatkan pelbagai pihak berdasarkan cadangan dikemukakan.

Malah ujaranya, empat penyedia Cloud Bumiputera tempatan lantikan CSP terlibat yang dikenali Penyedia Perkhidmatan Diurus (MSP) bakal memperkasakan lagi agenda MyGovCloud.

"Mereka akan menyediakan perkhidmatan Cloud terbaik, selamat dan terjamin yang akan memacu transformasi digital sektor awam secara lebih holistik," katanya menerusi kenyataan.



ISMAIL Sabri Yaakob menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen CFA dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Beliau sebelum itu hadir menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen CFA dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Hotel Zenith, di sini semalam.

Empat syarikat CSP yang terpilih CFA itu ialah Amazon

Web Services Malaysia Sdn. Bhd., Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd., Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia Berhad.

Menerusi CFA itu, Google Cloud dan Awantec bakal menawarkan lebih 500 perkhidmatan, manakala Microsoft

dan Enfrasys Solutions juga akan menawarkan lebih 500 lagi perkhidmatan.

Ismail Sabri menjangkakan pembabitian pihak CSP dan MSP itu mampu membuka potensi pelaburan dalam negara yang mencecah RM15 bilion menjelang tahun 2025.

**UTUSAN MALAYSIA
SELASA 10 MEI 2022 (M/S 3)**